

ANSWER PAPER (2022-2023)
SUBJECT: BAHASA MELAYU
(SUBJECT CODE-099)
CLASS: X

ANSWER KEY / MARKING SCHEME

MARKAH : 80

MASA : 3 JAM

BAHAGIAN A
(20 Markah)

Soalan 1

(i) 5 Markah

1	D
2	D
3	A
4	B
5	B

(ii) 5 Markah

6	C
7	B
8	B
9	A
10	A

(iii) 5 Markah

11	C
12	A
13	C
14	A
15	D

**BAHAGIAN B
(20 MARKAH)**

Soalan 2

(i): kesan-kesan akibat kegiatan buli

- Kegiatan buli menyebabkan mangsa mengalami gangguan mental dan fizikal secara berterusan.
- Dapat merencanakan agenda pembangunan kerajaan terutama dalam menyemai moral yang luhur.
- Tindakan si pembuli akan mencemarkan imej negara di mata dunia.
- Negara akan gagal melahirkan suatu bangsa yang berjiwa merdeka jika gagal mengatasi gejala buli daripada terus berleluasa.
- Budaya buli akan menjadi satu budaya yang diwarisi daripada satu generasi ke satu generasi.

ii (a): Surat Aduan

Pendahuluan

- Format surat rasmi/ alamat penulis / alamat penerima / tarikh / tajuk ditulis

Isi 1

- banyak lori yang melalui jalan tersebut
- lori mengangkut barang ke kilang berhampiran / bahan binaan
- projek membina rumah – selain beberapa kilang lain di hujung kampung

Isi 2

- menimbulkan masalah kepada pengguna / sering terlanggar lubang
- mengelak lubang / menyebabkan kemalangan
- pemandu motorsikal terjatuh / kenderaan rosak

Isi 3

- lubang dipenuhi air banjir apabila hujan
- pemandu terlanggar lubang / air terpercik dan kena pada pengguna jalan
- penunggang motorsikal dan pelajar sekolah menjadi mangsa

Isi 4

- mohon tindakan segera diambil
- menutup lubang-lubang tersebut / menghalang kenderaan berat melalui jalan tersebut
- cegah sebelum parah

Penutup

- tindakan sewajarnya
- kerjasama dan perhatian dihargai / terima kasih

ii (b): faedah mempunyai hobi

Pendahuluan

- hobi merupakan aktiviti yang dilakukan pada waktu senggang – boleh melakukan di mana-mana – banyak manfaat yang boleh diperolehi daripada hobi

Isi

- hobi bersenam dapat menyihatkan badan dan kesihatan fizikal dan mental
- hobi bercucuk tanam dapat memberikan hasil pendapatan yang baik
- mengisi masa lapang dengan baik dan tidak terjebak dengan gejala sosial
- hobi membaca buku boleh menambah ilmu pengetahuan

Kesimpulan

- hobi yang baik dapat menenangkan fikiran dan memberi kesihatan yang baik.

**BAHAGIAN C
(25 MARKAH)**

Soalan 3

- Bayi yang comel itu asyik menangis dari pagi hingga petang.
- Perkhidmatan bas sekolah percuma hanya disediakan untuk pelajar yang miskin.
- Rakyat di seluruh dunia dipaksa untuk memakai pelitup muka selama tiga tahun.
- Aktiviti berbasikal berupaya mengurangkan lemak dan memberikan tubuh badan yang sihat.
- Kesesakan jalan raya pada waktu petang akibat daripada sekatan jalan raya oleh pihak polis trafik.

Soalan 4

1	C
2	D
3	D
4	C
5	A
6	A
7	D
8	C
9	C
10	C

Soalan 5

1. gigi dengan lidah ada kalanya tergigit juga
2. putus rezeki
3. indah khabar daripada rupa
4. mahal seperti belian
5. bagai melepas batuk di tangga

Soalan 6

1	D
2	B
3	C
4	C
5	A

Soalan 7

i. satu pesanan ibu kepada anak:

- memilih kawan yang berhati mulia
- menjauhi / menolak kawan yang mementingkan diri
- memilih kawan yang memberi petunjuk / kebaikan
- menjauhi / menolak kawan yang mempunyai tabiat buruk

ii. dua persoalan dalam sajak

- keprihatinan seorang ibu
- kasih sayang seorang ibu
- tanggungjawab seorang anak
- tanggungjawab seorang ibu
- Kepentingan menuntut ilmu pengetahuan
- Sikap berhati-hati dalam memilih kawan
- Kebaikan mendengar nasihat ibu dalam memilih kawan

iii. usaha untuk membentuk sahsiah diri yang mulia

- Harus mengamalkan tuntutan agama yang secukupnya
- Harus menerapkan nilai-nilai murni dalam diri
- Harus menjadi suri teladan kepada rakan-rakan
- Harus menyertai program yang berkaitan budi bahasa / membentuk sahsiah diri / keagamaan
- Harus mendengar nasihat ibu bapa
- Harus bijak memilih rakan sebaya yang membawa kebaikan

Soalan 8

i. si miskin tidak berani ke rumah orang untuk meminta makanan kerana

- tahu bahawa dia tidak akan diberi nasi
- dia pasti tidak akan dibenarkan untuk menghampiri rumah mereka

ii. dua persoalan dalam petikan

- Sikap memandang hina terhadap orang miskin
Contohnya, penduduk kampung bertindak kejam terhadap Si Miskin dan isterinya.
- Kasih sayang seorang suami terhadap isteri
Contohnya, Si Miskin membantu isterinya membersihkan dirinya yang berlumuran darah.

iii. mengapa sifat belas kasihan semakin terhakis dalam kalangan masyarakat?

- masyarakat semakin menjauhi ajaran agama
- masyarakat semakin bersikap individualistik iaitu mementingkan diri sendiri
- budaya hidup yang mementingkan materialisti semakin menebal dalam masyarakat

Soalan 9

Perwatakan

1. Hisyam bin Sulaiman

- seorang yang patuh akan arahan dan pesanan abang sulungnya supaya menjualkan tanah pusaka peninggalan.
- seorang yang bersikap rasional dan berpandangan jauh dalam membuat keputusan apabila bersetuju menubuhkan Syarikat Binajaya Sdn.Bhd. bagi membangunkan tanah pusaka peninggalan arwah ayahnya.
- seorang yang bersikap amanah dan jujur ketika dia menguruskan Syarikat Binajaya Sdn.Bhd.

2. Harun

- seorang yang bijak berhujah apabila mempertikaikan tindakan adiknya, Hisyam yang bercadang untuk menubuhkan syarikat untuk membangunkan tanah pusaka peninggalan arwah ayah mereka.
- seorang yang bersifat sensitif apabila dia berasa tersindir dengan kata-kata Hisyam yang mengatakan tentang kesukaran menguruskan anak-anak pada masa ini.

3. Halimah

- seorang yang berpengalaman luas dalam bidang pengurusan kewangan disebabkan pengalam bertugas di bank.

- seorang yang patuh akan arahan abangnya agar tanah pusaka peninggalan arwah ayah mereka di bandar dijual.

Seorang yang amanah dalam memikul tanggungjawab untuk mengambil alih pengurusan Syarikat Binajaya Sdn.Bhd. daripada adiknya, Hisyam.

Latar masyarakat

1. masyarakat yang bijak merancang masa depan
2. masyarakat penyayang terhadap ahli keluarga
3. masyarakat yang berani mengambil risiko untuk kesejahteraan masa depan
4. masyarakat yang bersatu hati dalam menjayakan projek atas usaha bersama
5. masyarakat yang berpendidikan tinggi